



**MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

MODUL SOALAN BERFOKUS SPM 2018

ANJURAN MPSM CAWANGAN PULAU PINANG

DENGAN KERJASAMA

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK

JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

NAMA SUBJEK : TASAWWUR ISLAM

KOD MP : 5226/1

ARAHAN:

1. Jawab semua soalan.
2. **Bahagian A** mengandungi 20 soalan yang lain. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 10 dalam kertas soalan ini.
3. **Bahagian B** mengandungi 20 soalan yang lain. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

NAMA:.....

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI 10 MUKA SURAT TERMASUK
KULIT**

SULIT

Bahagian A

[20 markah]

- 1 Berikut adalah sebab-sebab rasul digelar Ulul Azmi **kecuali**
 - A penghormatan dan pengiktirafan daripada Allah SWT atas keteguhan hati.
 - B memiliki keazaman dan keteguhan jiwa.
 - C mempunyai umat yang sangat ramai.
 - D kesabaran mereka yang tinggi.

- 2 Hikmah Allah SWT merahsiakan kejadian hari kiamat supaya manusia
 - A taat dan patuh kepada perintah-Nya.
 - B dapat mengalaminya apabila mati.
 - C dapat membuktikan kebenarannya.
 - D meninggalkan kemewahan hidup.

- 3 Antara yang berikut yang manakah kesan terhadap individu yang meragui kebenaran Islam?
 - A Syahadahnya terbatal.
 - B Akhlak akan menjadi rosak.
 - C Imannya akan menjadi lemah.
 - D Masyarakat akan menghinanya.

- 4 Antara berikut yang manakah membuktikan al-Quran sebagai petunjuk sepanjang zaman?
 - I Kebenarannya mutlak.
 - II Keindahan gaya bahasanya tidak mampu ditandingi.
 - III Kitab yang diturunkan kepada semua nabi dan rasul.
 - IV Kandungannya merangkumi seluruh peraturan hidup.
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

5

- Praktikal bukan utopia
- Menyelesaikan masalah
- Menekankan kesederhanaan

Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip

- A Rabbaniyyah
- B Syumuliyyah
- C Alamiyyah
- D Waqi'yyah

6 Antara yang berikut yang manakah cara untuk memiliki sifat Rabbaniyyah?

- I Mengamalkan akhlak mazmumah.
- II Beriman dan yakin dengan segala rukun iman.
- III Mengerjakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya.
- IV Bekerja dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari keredaan Allah SWT.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

7 Antara konsep Syumuliyyah dalam bidang perundangan termasuklah

- I Islam menerapkan keadilan yang bersifat sejagat tanpa mengira agama dan kaum.
- II hukuman yang dijatuhkan mestilah setimpal dengan kesalahan.
- III konsep pembalasan dalam Islam hanya di dunia sahaja.
- IV menjaga hak asasi manusia.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

8 Berikut adalah kelayakan seseorang hakim **kecuali**

- A berilmu
- B berani dan tegas.
- C berfikiran terbuka.
- D berwibawa dan dihormati.

- 9 Antara berikut yang manakah tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT?
- A Menunaikan puasa sepanjang tahun.
 - B Mengerjakan haji lebih daripada sekali.
 - C Mendirikan solat tanpa mengira waktu.
 - D Mengeluarkan zakat apabila mampu.

10

- Rakyat
- Wilayah
- Majlis Syura
- Ketua Negara
- Undang-Undang

Elemen-elemen di atas merujuk kepada

- A pembentukan negara Islam
 - B pembentukan pentadbiran Islam
 - C pembentukan perlembagaan Islam
 - D pembentukan undang-undang Islam.
- 11 Hukuman bunuh kepada orang murtad adalah bertujuan untuk memelihara
- A akal
 - B agama
 - C keturunan
 - D kehormatan diri

12

Amirul selalu mengungkit-ungkit pertolongan yang telah diberikan kepada kawan-kawannya untuk menyakitkan hati mereka.

Perbuatan di atas menerangkan maksud

- A aza
 - B riak
 - C ujub
 - D sum'ah
- 13 Antara yang berikut yang manakah **bukan** cara menguruskan harta menurut Islam?
- A Melaksanakan tanggungjawab sosial.
 - B Merangka perbelanjaan harta sebulan sekali.
 - C Membelanjakan harta dalam semua perkara.
 - D Memanfaatkan harta untuk kepentingan orang ramai.

- 14 Antara yang berikut yang manakah implikasi larangan pencerobohan harta dalam Islam?
- A Perpaduan bertambah erat.
 - B Keselamatan harta kurang terjamin.
 - C Golongan miskin menjadi kaya.
 - D Bebas mencari harta tanpa batas.
- 15 Pilih padanan yang **betul** berdasarkan pernyataan di bawah mengenai perundangan Islam dan contohnya.

	Perundangan Islam	Contoh
A	Qadha	Hukum bunuh bagi pengedar dadah.
B	Fatwa	Memerangi orang yang enggan mengeluarkan zakat.
C	Fikah	Batal wuduk sekiranya bersentuh kulit lelaki dan perempuan yang ajnabi.
D	Ijtihad	Perceraian diputuskan oleh hakim kerana suami tidak menjalankan tanggungjawab.

- 16 Apakah langkah awal untuk menyelesaikan suatu masalah menurut Islam?
- A Berdoa kepada Allah SWT.
 - B Bertawakal kepada Allah SWT.
 - C Berpegang teguh kepada ajaran agama.
 - D Mengenal pasti setiap masalah yang berlaku.
- 17 Antara yang berikut yang manakah **bukan** cara berdakwah yang berkesan
- A Memberikan pengetahuan yang sempurna.
 - B Mengadakan perbincangan yang baik.
 - C Menyalurkan khidmat amal.
 - D Melalui qias.
- 18 Berikut adalah tujuan Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah **kecuali**
- A memberi peluang manusia melaksanakan aktiviti ekonomi dengan berkesan.
 - B menghadkan penglibatan dalam sesuatu jenis muamalah sahaja.
 - C menggerakkan ekonomi dengan lebih pesat.
 - D membantu golongan yang kurang berharta.

19 Antara berikut yang manakah matlamat penyelesaian masalah terhadap individu?

- I Mengukuhkan semangat perpaduan.
- II Menegakkan keadilan dalam semua aspek.
- III Menambahkan keimanan kepada Allah SWT.
- IV Memberikan ketenangan jiwa dalam kehidupan.

- A I dan II
- B III dan IV
- C II dan III
- D I dan IV

20

Bangsa yang ketinggalan dalam pendidikan akan mundur.

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah Islam menyelesaikan masalah tersebut melalui syariat?

- A Menghormati orang berilmu.
- B Mewajib umatnya menuntut ilmu.
- C Melindungi orang yang memiliki ilmu.
- D Menyebarkan ilmu kepada orang tertentu.

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24*Tulis istilah yang betul pada ruangan yang disediakan.*

- | | | | |
|----|--|--|---|
| 21 | Para nabi dan rasul terpelihara daripada melakukan sebarang dosa kecil atau dosa besar serta perkara-perkara yang boleh mencacatkan kemuliaan mereka sebagai utusan pilihan Allah SWT. | | 1 |
| 22 | Fahaman yang menolak hadis sebagai sumber hukum dalam Islam. | | 1 |
| 23 | Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah daripada milik orang lain dengan membayar bayaran yang tertentu. | | 1 |
| 24 | Ahli hukum Islam yang memutuskan sesuatu hukum fikah berasaskan bimbingan al-Quran dan al-Hadis dan menurut pandangan sendiri. | | 1 |

Soalan 25 hingga Soalan 28*Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.*

- | | | | |
|----|---|--|---|
| 25 | _____ ialah harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai yang berkaitan dengan agama. | | 1 |
| 26 | Mereka yang tidak layak menguruskan harta kerana tidak mempunyai kemampuan untuk membuat penilaian yang sempurna berasaskan keutamaan dikenali sebagai _____. | | 1 |
| 27 | Islam memberi _____ mengerjakan solat mengikut kemampuan dalam keadaan sakit. | | 1 |
| 28 | _____ ialah berserah diri kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh. | | 1 |

[Lihat halaman sebelah

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Soalan 29 hingga Soalan 32

Lengkapkan jadual dengan jawapan yang betul.


Memelihara Alam	R	Memulihara Alam	S
-----------------	---	-----------------	---

1	Mengawal penebangan hutan	29. _____
1	Mengawal pencemaran udara	30. _____
1	Menimbus semula lombong yang ditinggalkan	31. _____
1	Menanam semula pokok yang ditebang	32. _____

Soalan 33 dan Soalan 34

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.

Carta ini menerangkan tentang jenis ibadat dalam kehidupan.




33. T ialah _____

34. U ialah _____

Soalan 35 dan 36

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



35. V ialah _____

	1
--	---

36. W ialah _____

	1
--	---

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tanda (✓) pada pernyataan yang betul.

Tanda (X) pada pernyataan yang salah.

37. Orang Islam wajib menguasai ilmu fardu 'ain sahaja.

--

	1
--	---

38. Matlamat negara Islam ialah untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

--

	1
--	---

39. Langkah mempertingkatkan kualiti kerja dalam Islam dengan membuat perancangan rapi sebelum melakukan kerja.

--

	1
--	---

40. Pengertian takzir ialah hukuman yang ditetapkan oleh syarak melalui al-Quran dan al-Hadis.

--

	1
--	---

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Markah Bahagian B

KERTAS JAWAPAN**Bahagian A**

- | | | | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|----|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

Markah Bahagian A
